

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)**

Rujukan Kami: () dlm KKM 87 (A30/9)

Tankh *As* Mei 2000

Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Yayasan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

50590 Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 1/2000

AMALAN ETIKA PROFESYEN PERUBATAN YANG BAIK

TUJUAN

Tujuan pekertling ini adalah untuk mengingatkan dan menyedarkan semua anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai etika profesyen perubatan yang baik.

LATARBELAKANG

Perubatan merupakan satu profesyen yang diamalkan sejak tamaddun di zaman dahulu kala. Ia berasaskan kepada keperluan kesihatan masyarakat dan kepercayaan kepada pengamal profesyen perubatan. Tanpa kepercayaan ini adalah sukar bagi mereka yang terlibat untuk meneruskan amalan perubatan yang baik. Ia juga berpandukan kepada tatasusila profesyen perubatan dan tingkah laku pengamal profesyen perubatan yang baik. Tatasusila ini mengutamakan kesihatan dan kebajikan kepada individu dan keluarga yang dirawat oleh pendamal profesyen perubatan.

Sejak kebelakangan ini Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan dari orang ramai bersabit dengan layanan yang kurang memuaskan dari anggota Kementerian Kesihatan. Aduan-aduan yang dibuat adalah mengenai mutu perkhidmatan yang diberikan oleh hospital dan pusat kesihatan. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan adalah layanan yang kasar, pemeriksaan yang tidak sempurna, maklumbalas yang tidak mencukupi, rawatan yang dianggapkan sebagai tidak berkesan dan penyiasatan yang tidak lengkap. Selain dari ini perkhidmatan yang tidak memuaskan juga diberikan kerana adanya isu perbezaan dari segi kaum, kepercayaan, ketuhanan, agama dan akhirnya ini fahaman politik.

Isu-isu ini telah dan akan menjejaskan hubungan dan kepercayaan pesakit kepada semua anggota kesihatan. Akibatnya pesakit tidak akan mendapat perkhidmatan yang

diperlukan dan diharapkan. Dalam jangka masa panjang perkhidmatan rawatan pesakit dalam negara ini akan terjejas kerana pergangsaan antara amalan falsafah Kementerian Kesihatan semasa mereka menjalankan tugas dengan kependam etika perubatan. Tindakan yang berkenaan melanggar falsafah perkhidmatan awam dan profesyen perubatan yang berkehendakkan pegawai-pegawai bersikap profesional dan memberikan perkhidmatan kepada semua tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik. Ia juga akan mencerminkan nama baik Kementerian Kesihatan, kerana hanya akan mengurangkan keyakinan rakyat terhadap Kementerian Kesihatan dan terhadap semua anggota kesihatan.

KOD ETIKA PROFESYEN PERUBATAN

Semua anggota kesihatan adalah diperlukan mematuhi kod etika profesyen perubatan yang baik. Kod etika ini telah ditetapkan untuk memastikan perlindungan kepada orang awam melalui amalan perubatan yang baik. Ia juga telah ditetapkan untuk menjaga kewibawaan profesyen perubatan dan perlu digunakan sebagai panduan oleh semua yang terlibat.

Antara amalan dan perjanjian dalam kod etika profesyen perubatan adalah untuk :-

1. mengamalkan profesyen perubatan dengan penuh kesedaran dan bermaruah,
2. memastikan kesihatan pesakit adalah pertimbangan utama.
3. tidak akan membenarkan isu agama, bangsa, kepercayaan, kedudukan sosial dan fahaman politik membelakangkan atau mengganggu tanggungjawab terhadap pesakit.

Asas bagi amalan perubatan yang baik adalah komunikasi yang berkesan, tingkah laku beretika, merawat pesakit dengan bermaruah dan sebagai sebahagian dari anggota pasukan perubatan yang berkerjasama. Keempat fakta ini adalah merupakan panduan bagi semangat dan falsafah rawatan yang perlu diberikan.

PENUTUP

Melalui surat ini saya ingin mengingatkan semua anggota kesihatan dan perubatan Kementerian Kesihatan supaya mempunyai sikap yang profesional dan sentiasa memberi perkhidmatan yang baik berbeza dengan kepada semua yang memerlukan perkhidmatan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan sosial dan pegangan politik. Ketua-ketua jabatan adalah diminta untuk menentukan perkara yang diadukan tidak berulang lagi. Bagi menentukan mesej ini diterima oleh semua, Pekeliling ini boleh disampaikan di majlis tertentu di peringkat jabatan, unit dan sebagainya.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA"

Saya yang menurut perintah




(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Sk

- Y.B. Menteri Kesihatan
- Y. B. Timbalan Menteri Kesihatan
- Y. B. Setiausaha Parlimen
- Ketua Setiausaha
- Semua Ketua Bahagian
- Penasihat Undang-Undang
- Pegawai Kanan Perhubungan Awam



TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR SULEIMAN
HONORARY CHIEF OF MEDICAL PROFESSION (HONORARY)
FRONTIERS IN FREEDOM (FAMS) (FRONTIERS)
FRONTIERS (FRONTIERS)

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)

Rujukan Kami () dlm KKM 87 (A30/9)

Tarikh 26 Mei 2000

Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Yayasan

Pengarah

Hospital Kuala Lumpur

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 1/2000

AMALAN ETIKA PROFESYEN PERUBATAN YANG BAIK

TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk mengingatkan dan menyedarkan semua anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai etika profesyen perubatan yang baik.

LATARBELAKANG

Perubatan merupakan satu profesyen yang diamalkan sejak tamaddun di zaman dahulu kala. Ia berasaskan kepada keperluan kesihatan masyarakat dan kepercayaan kepada pengamal profesyen perubatan. Tanpa kepercayaan ini adalah sukar bagi mereka yang terlibat untuk meneruskan amalan perubatan yang baik. Ia juga berpandukan kepada tatasusila profesyen perubatan dan tingkah laku pengamal profesyen perubatan yang baik. Tatasusila ini mengutamakan kesihatan dan kebajikan kepada individu dan keluarga yang dirawat oleh pengamal profesyen perubatan.

Sejak kebelakangan ini Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan dari orang ramai bersabit dengan layanan yang kurang memuaskan dari anggota Kementerian Kesihatan. Aduan-aduan yang dibuat adalah mengenai mutu perkhidmatan yang diberikan oleh hospital dan pusat kesihatan. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan adalah layanan yang kasar, pemeriksaan yang tidak sempurna, maklumbalas yang tidak mencukupi, rawatan yang dianggapkan sebagai tidak berkesan dan penyiasatan yang tidak lengkap. Selain dari ini perkhidmatan yang tidak memuaskan juga diberikan kerana adanya isu perbezaan dari segi kaum, kepercayaan, keturunan, agama dan akhirnya ini fahaman politik.

Isu-isu ini telah dan akan menjejaskan hubungan dan kepercayaan pesakit kepada semua anggota kesihatan. Akibatnya pesakit tidak akan mendapat perkhidmatan yang

diperlukan dan diharapkan. Dalam jangka masa panjang perkhidmatan rawatan pesakit dalam negara ini akan terjejas kerana perbandingan antara amalan kakitangan Kementerian Kesihatan semasa mereka menjalankan tugas dengan keperluan etika perubatan. Tindakan yang berkenaan melanggar tatasusila perkhidmatan awam dan profesyen perubatan yang berkenhendakkan pegawai-pegawai bersikap profesyenal dan memberikan perkhidmatan kepada semua tanpa memata agama, bangsa dan fahaman politik. Ia juga akan mencemarkan nama baik Kementerian Kesihatan, kerana hanya akan mengurangkan keyakinan rakyat terhadap Kementerian Kesihatan dan terhadap semua anggota kesihatan.

KOD ETIKA PROFESYEN PERUBATAN

Semua anggota kesihatan adalah diperlukan mematuhi kod etika profesyen perubatan yang baik. Kod etika ini telah ditetapkan untuk memastikan perlindungan kepada orang awam melalui amalan perubatan yang baik. Ia juga telah ditetapkan untuk menjaga kewibawaan profesyen perubatan dan perlu digunakan sebagai panduan oleh semua yang terlibat.

Antara amalan dan perjanjian dalam kod etika profesyen perubatan adalah untuk :-

1. mengamalkan profesyen perubatan dengan penuh kesedaran dan bermaruah,
2. memastikan kesihatan pesakit adalah pertimbangan utama.
3. tidak akan membenarkan isu agama, bangsa, kepercayaan, kedudukan sosial dan fahaman politik membelakangkan atau mengganggu tanggungjawab terhadap pesakit.

Asas bagi amalan perubatan yang baik adalah komunikasi yang berkesan, tingkah laku beretika, merawat pesakit dengan bermaruah dan sebagai sebahagian dari anggota pasukan perubatan yang berkerjasama. Keempat fakta ini adalah merupakan panduan bagi semangat dan falsafah rawatan yang perlu diberikan.

PENUTUP

Melalui surat ini saya ingin mengingatkan semua anggota kesihatan dan perubatan Kementerian Kesihatan supaya mempunyai sikap yang profesyenal dan sentiasa memberi perkhidmatan yang tidak berbeza kepada semua yang memerlukan perkhidmatan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan sosial dan pegangan politik. Ketua-ketua jabatan adalah diminta untuk menentukan perkara yang diadukan tidak berulang lagi. Bagi menentukan mesej ini diterima oleh semua, Pekeliling ini boleh disampaikan di majlis tertentu di peringkat jabatan, unit dan sebagainya.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA"

Saya yang menurut perintah



(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Sk.

- Y.B. Menteri Kesihatan
- Y. B. Timbalan Menteri Kesihatan
- Y. B. Setiausaha Parlimen
- Ketua Setiausaha
- Semua Ketua Bahagian
- Penasihat Undang-Undang
- Pegawai Kanan Perhubungan Awam